

Newspaper	KOSMO
Date	7/5/2012

Pembangkang tidak yakin menang PRU13 – Dr. M

Kosmo - 7/5/2012

ALOR SETAR – Pakatan parti pembangkang Pas, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP sebenarnya tidak yakin dapat memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) dan kerana itu mereka membuat banyak tindakan untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada, kata bekas



Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**).

Beliau berkata, sejak negara merdeka 55 tahun lepas, pembangkang tidak pernah berjaya menjatuhkan kerajaan Persekutuan yang diterajui Barisan Nasional (BN).

“Mereka (pembangkang) se-

dang bersedia... kalau kalah lagi dalam pilihan raya akan datang, mereka akan cetus huru-hara dengan membuat demonstrasi, buat desakan kononnya kerajaan sekarang ini tipu bagi membolehkan BN menang.

“Inilah pendekatan mereka sekarang,” katanya selepas maj-

lis Wacana Tokoh Negarawan, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama Penjawat Awam Persekutuan Negeri Kedah di sini semalam.

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin kerajaan yang ada sekarang kuat dan mampu untuk menjaga keamanan negara.

“Kalau kerajaan lemah, mereka tidak akan mampu untuk mentadbir negara dengan baik seperti sekarang dan mungkin juga akan digulingkan oleh rakyat,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, rakyat perlu berhati-hati dengan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana Anwar dianggap sebagai pemimpin pilihan Amerika.

“Sejak zaman saya menjadi Perdana Menteri lagi, dia (Anwar) telah dianggap sebagai Perdana Menteri Malaysia oleh Amerika dan dia sendiri pernah membawa (anggota) Kongres Amerika datang ke sini,” katanya.

Selain itu, Dr. Mahathir berkata, terdapat kemasukan wang asing di negara ini bagi men-

jayakan agenda negara kuasa besar itu.

“Saya tahu banyak juga NGO (badan bukan kerajaan) yang mendapat bantuan wang daripada badan-badan tertentu Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Mereka beri wang ini untuk menjayakan agenda mereka bukannya agenda kita.

“Ia berlaku sejak dari zaman saya lagi dan NGO ini telah diperalatkan. Saya yakin parti-parti politik pun ada yang terima wang tersebut,” katanya.

Beliau menasihatkan rakyat supaya berhati-hati dan memilih pemimpin yang betul bagi mengelak negara dikongkong dan dijajah semula. – Bernama